

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HMT 401 Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT [4] soalan dalam SATU [1] muka surat.

Jawab SEMUA soalan

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

- (a) Huraikan struktur makna secara tradisional dengan mengambil contoh daripada bahasa Melayu.

ATAU

- (b) Menurut Leech ada tujuh jenis makna. Huraikan dengan contoh daripada bahasa Melayu.

2. Huraikan makna lojikal sesebuah perkataan. Di samping makna lojikal, perkataan tertentu membawa konotasi. Huraikan dengan memberi contoh daripada bahasa Melayu.

3. Dalam budaya Melayu, maksud yang terlalu negatif dan positif selalunya tidak diungkapkan, tetapi disampaikan melalui komunikasi bukan pertuturan. Huraikan dengan contoh yang relevan.

4. Peribahasa membawa makna khusus di luar makna am. Huraikan. Bincangkan juga cara mengajar peribahasa untuk pelajar sekolah menengah.